

AJARAN JIMAT CERMAT DALAM ISLAM

FAEDAHNYA DAN CONTOHNYA

II

Perangai jimat cermat yang adil dan patuh itu nyata kelebihanannya kepada tiap-tiap orang yang siuman akal fikirannya, maka walaupun orang yang tiada beragama Islam tetaplah juga ajaran jimat cermat seperti yang dibawa dan digalakkan oleh Nabi pembawa agama Islam ini benar juga kepada mereka, dan tiap-tiap mereka yang berfikiran waras sedialah mengikut dan memakai akan dia, sehinggalah mereka tidak mengaku kebenaran agama Islam dan kebenaran Nabi yang membawanya itu. Bahkan dalam negeri kita ini kerap kali kita dapati orang-orang yang tiada beragama Islam itulah yang terlebih banyak memakai dan menjalankan dan menjalankan ajaran jimat cermat Islam ini, dan kita orang Melayu yang semuanya beragama Islam terlebih selalu melanggar akan ajaran itu, istimewa dengan jalan berurus dan membuat habur yang tiada berpatutan dan bukan pada perkara yang umum faedahnyanya atau berkekalan manfaatnya kepada orang.

OLEH Z'ABA

Kelebihan dan faedah berjimat yang sederhana itu jikalau sekiranya tidak ada pun dibutirkan satu persatunya dalam nas-nas ahli agama kita, tidaklah susah bagi tiap-tiap seorang hendak mengenal dan mengertinya sebab itulah orang-orang bangsa lain yang tiada beragama Islam pun tahu akan dia dan biasa mengikut serta memakai jalan jimat-cermat itu dalam kehidupan mereka berhubung dengan belanja dan harta-benda. Adapun bagi kita, ajaran jimat cermat itu bukanlah sahaja didapati daripada akal tetapi naqal juga iaitu dikuatkan oleh perkataan Quran dan perkataan hadis Nabi kita sendiri seperti yang telah sedia dinyatakan, tetapi dalam pada itu pun banyak juga di antara kita yang tiada tahu atau tiada mahu mengikutnya, kerana dikalahkan oleh hawa nafsu atau oleh adat yang telah turun temurun dipakai semenjak beberapa lama seperti pada nikah kahwin dan sebagainya, padahal kita orang Melayu hanyalah suatu bangsa yang miskin.

Maka di antara lain-lain perkataan Nabi kita shallā Allāh 'alaih wa sallam yang mencukupkan kelebihan berjimat-cermat dan menggalakkan kepadanya bolehlah disebutkan lagi seperti dibawah ini. Sabdanya Sallā Allāh 'alaih wa sallam:

Man iqtasada aghnāhullāh wa man badhara ifqarah Allāh.

Ertinya: "Barang siapa mengamalkan jimat cermat nescaya dikayakan Allah akan dia, dan barang siapa membuang-buang belanja dan harta dengan membazir nescaya dipapa akan dia"

Mā 'ala min iqtisad.

Ertinya: "Orang yang berjimat cermat dengan timbangan yang berpatutan,

tidaklah menjadi fakir dan papa.

Al-tadbīr nişfu al-ma'tsha.

Ertinya: Kelakuan bertadbir atau menimbang pada perkara belanja itu ialah separuh bahagian daripada jalan penghidupan."

Al-iktişād fī al-nafqat nişfu al-ma'tshāh.

Ertinya: "Berjimat cermat pada perbelanjaan itu ialah separuh bahagian daripada jalan penghidupan."

Mā ahsan al-qaşdi fī al-ghannā wa mā ahsan al-qaşdi fī al-faqri wa mā ahsan al-qaşdi fī al-'ibādah.

Ertinya: "Wah eloknyanya jika seseorang berjimat cermat pada masa kaya! Wah eloknyanya jika seseorang berjimat cermat pada masa ia miskin! Wah eloknyanya jika seseorang berjimat cermat dalam perkara ibadat!

Kelima-limanya perkataan yang telah disebutkan ini ialah perkataan diriwayatkan telah terbit daripada lidah Nabi kita shallā Allāh 'alaih wa sallam, usahlah dikira darjatnya hadis itu pada pandangan ahli istilah hadis: Sahihkah, mutawatirkah, marfu'kah, hasankah, mutfaq alaihkah, daifkah, mauḍu'kah, dan lain-lain lagi. Memada dilihat bahawa fikiran yang dikatakan itu benar dan tujuannya baik, tambahan pula cukup berbetulan dengan ajaran Quran yang telah disebutkan ayat-ayatnya dalam mengalah yang pertama dahulu, serta disetujui pula oleh timbangan akal kita yang siuman, sebab itu sangatlah munasabah dijadikan dia pedoman dan panduan dalam kehidupan iktisad kita orang Islam sekalian.

Maka selain daripada perkataan-perkataan Nabi shallā Allāh 'alaih wa sallam itu baik pula perkataan sahabat-sahabat yang ternama dan perkataan-perkataan hukama, dan ahli pemikir. Saidina Abū Bakr al-Şiddīq raḍī Allāh 'anh, iaitu sahabat Nabi yang ulung dan mentuanya juga, telah berkata

dalam memuji perangai jimat cermat itu dengan katanya :

Mā 'āla muqtaṣad wa lā ya 'īl.

Ertinya: “Orang yang berjimat cermat tidaklah pernah merasa sesak belanja, dan tidak akan merasa keputusan wang “ dan pada kali yang lain ia berkata pula :

Inni la abghaḍū ahl bayt yanfiqūn razaq ayyāmu fī yawm wa aḥad.

Ertinya: Bahawasanya aku sangatlah benci melihat orang isi rumah rasul Allah dan keluarganya yang membelanjakan rezeki beberapa hari dihabiskan dalam satu hari sahaja.

Dan kata Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb raḍī Allāh ‘anh pula:

Inna Allāh yuḥibb al-qasdi wa al-taqḍīr wa yakrahu al-sarfi wa al-tabdhīr.

Ertinya: “Bahawasanya Allah taala suka jika orang berjimat cermat menimbang perbelanjaan, dan tiada suka akan perbuatan boros dan membazir”

Dan kata Saidina ‘Alī karama Allāh wajhah:

Da ‘a al-asrāf muqtaṣidā wa adhkar fī al-yawm al-ghadā.

Ertinya : Buanglah kelakuan habur, boros dengan jalan berbuat jimat cermat dan ingatlah hari esok pada hari ini.

Dan kata Mu‘āwiyah, iaitu seorang daripada sahabat Nabi dan ia khalifah yang pertama daripada Banī Umayyah:

Hasanu al-taqḍīr niṣfu al-kasab wa huwa qawwām mul ma ‘īshah.

Ertinya: “Perbuatan menimbang belanja dengan baik itu ialah separuh bahagian daripada usaha mencari kehidupan, dan ia juga tiang yang mendirikan penghidupan.”

Dan kata al-Ṣam‘ī, iaitu seorang daripada ahli fikiran dan pendeta, bahasa Arab yang termasyhur sekali, hidupnya dari tahun Hijrah 122 hingga 213

man iqtasada fī al-ghaniyy wa al-faqri faqad isti ‘ad li nawā ‘ib al-dahr.

Ertinya: “Barangsiapa berjimat cermat pada masa kayanya dan pada masa miskinnya, maka sesungguhnya ia telah membuah persediaan bagi menerima kemalangan-kemalangan yang menimpa dalam perjalanan masa.”

Dan kata seorang hukama yang lain:

Al-iqtisād khayr muṣādir al-tharwah fī al-usrah wa al-mamlakah

Ertinya: “Jimat cermat itu ialah sebaik-baik punca tempat terbit kekayaan pada ahli rumahtangga dan pada kerajaan negeri.”

Dan kata seorang ulama iktisad:

Man rabā ibnahū ‘alā al-iqtisād ifādah akthar mimmā yatraklahu tharwah wāfirah

Ertinya : “Barangsiapa melatih dan mendidik anaknya pada perangai jimat cermat adalah ia berbuat budi kepada anaknya itu terlebih banyak daripada jika ditinggalkannya kepada anak itu harta yang bertimbun-timbun.”

Dan kata seorang pujangga ahli syair:

Infaq biqadrimā istafdat wa lā

Tasrif wa ‘ish ṣaḥḥa ‘aysh muqtaṣid man kāna fīmā istifād muqtaṣidā

Lam yaftaqar ba ‘dihā illā aḥad

Maksudnya: “Berbelanjalah atas kadar pendapatan engkau, dan jangan boros; melainkan hiduplah, hai kawan, dengan cara kehidupan orang yang berjimat cermat, barang siapa berjimat cermat pada apa-apa pendapatnya pencariann yang diperolehnya, tidaklah ia kekurangan atau berkehendak pertolongan kepada siapa-siapa jua kemudian dari itu”.

Pastinya segala perkataan ini ialah: Bahawa jimat-cermat dan perbuatan meninggalkan sedikit-sedikit daripada wang perbelanjaan disimpan untuk masa akan datang itu ialah asas tempat bertapak pentadbiran rumahtangga dan adalah ia di antara kewajiban-kewajiban diri sendiri yang awal pertama sekali. Maka ialah juga tempat perlindungan yang boleh dipercayai: apabila orang-orang yang berumah tangga masuk berlindung padanya maka akan mereka dapati di dalamnya keadaan tenang, aman, lapang hati, suka ria, dan kebebasan bersedap-sedap dengan nikmat dan kurnia tuhan yang baik-baik yang dilimpahkan kepada mereka dengan sebab mereka berjimat cermat itu.

Kata seorang ahli pengarang Arab: “Aku telah melihat dengan mata kepalaku bermacam-macam hal dan kejadian, dan telah aku tanggung berbagai-bagai pahit-maungnya. Kemudian setelah aku fikir-fikirkan hal ehwal kehidupan manusia di dunia ini dalam-dalam, aku dapati hanya dua perkata yang seharusnya boleh mendapatkan kebahagiaan, pertama kelakuan sederhana pada segala kehendak-kehendak nafsu, dan kedua pandai menimbang dalam perkara menggunakan wang dan kekayaan.

Segala perkataan yang telah disebutkan ini banyak kita dapati misal-misalnya yang mencontohkan dalam riwayat-riwayat tarikh, sama ada tarikh Islam dan tarikh bangsa-bangsa yang bukan Islam. Bahkan banyak terdapat jadian diantara orang-orang bangsa lain yang ramai di negeri kita inipun.

Dalam riwayat Islam tersebut pada suatu hari Saidina ‘Umar

bin al-Khaṭṭāb telah berjumpa seorang soleh yang warak, maka katanya kepada orang itu: “Adakah awak lihat pada saya suatu yang awak tiada suka, dan adakah sesuatu yang tak pada saya yang awak suka biarlah ada kepada saya? “maka jawab orang itu: “Ada, saya dengar tuan membubuh dua buku roti pada hidangan tuan apabila makan, dan kononnya tuan ada dua helai baju, sehelai untuk dipakai malam dan sehelai untuk siang.” Maka kata Saidina ‘Umar, Adakah ada lain lagi daripada dua ini? “jawab orang soleh itu “tidak ada” maka Saidina ‘Umar “Kedua-dua perkara ini tidaklah akan ada lagi pada saya selama-lamanya.” Lalu ia berhenti dari membubuh dua buku roti pada hidangan dan daripada mempunyai dua helai baju. Yang demikian ialah kerana dalam keadaan umat Islam pada zaman itu kelakuannya menggunakan serba dua itu dihitungkan daripada jenis “boros” dan berbelanja lebih daripada hujah: Pada hal orang-orang Islam lain masa itu banyak yang di dalam kepapaan. Jadi tiap-tiap orang patutlah menggunakan apa-apa sebanyak yang tak boleh tidak sahaja, supaya orang lain yang serba kekurangan itu dapat merasa barang yang lebihnya itu pula. Maka Saidina ‘Umar telah membuang kelakuan yang dikatakan “boros” itu ialah kerana kuatnya mengirakan maslahat orang Islam dan kerana kuat zahid (zuhud) daripada dunia .

Lain daripada itu dihiyatkannya pula: Pada suatu hari beberapa orang telah datang ke rumah Qiyas bin ‘Ibādah (iaitu seorang daripada sahabat Nabi ada sebanyak sedikit harta) kerana hendak meminta sedikit pertolongan wang untuk membayar denda yang telah terkena di atas mereka itu. Maka didapati mereka Qiyas ada dalam kebunnya memungut buah-buah yang gugur dan ditinggalkan buah-buah yang baik daripada buah yang telah merah. Setelah selesai ia daripada kerjanya itu orang-orang itu pun memohonkan hajat mereka, lalu diberi oleh Qiyas. Maka kata orang-orang itu: “Pemberian tuan ini berlawanan dengan perbuatan tuan memungut buah-buah yang gugur dan mengasingkan-asingkannya dengan begitu cermat.” – Yakni jimat-cermat itu jadi sia-sia, kerana memberi orang-orang itu semua adalah merugikan dia! Maka jawab Qiyas: Dengan sebab perbuatan hamba berjimat-cermat memungut buah-buah yang gugur dan busuk seperti yang telah tuan-tuan lihat itulah maka hamba telah dapat menyempurnakan hajat-hajat tuan sekarang!”

Lain lagi diceritakan pula dari hal Ṭalḥah bin ‘Abdullāh, iaitu seorang daripada sahabat Nabi yang terbesar raḍī Allāh ‘anh ceritanya: Datang seorang kepadanya meminta tolong sedikit wang yang terpaksa ia berkehendak. Maka dilihat oleh orang itu Ṭalḥah sedang mengangkat kaki seekor untanya dengan tangannya. Setelah Ṭalḥah menegur dia itu: “Saya telah berkira hendak berpaling balik tadi tatkala saya lihat tuan bersalam dengan unta : “ jawab Ṭalḥah: “Kita

orang tidak membuang-buang benda yang kecil dan hina seperti kaki unta, dan tidak pula terlampau membesar-besarkan sesuatu yang besar.” Maka kemaluan-maluanlah orang itu.

Adapun di antara khalifah-khalifah Islam dahulu kalau seorang khalifah yang termasyhur sekali jimat-cermatnya ialah khalifah al-Manṣūr, iaitu khalifah yang kedua (136-158H) daripada Banī al-‘Abbās di Baghdad. Ia sangat jimat cermat membelanjakan khazanah negara, hingga perbendaharaan kerajaannya sentiasa penuh tiada pernah kekurangan. Maka apabila puteranya al-Mahdī naik jadi khalifah, maka selama ia memerintahkan tidaklah pernah kekurangan wang. al-Manṣūr itu masyhur selalu memberi hadiah-hadiah yang besar kepada ahli-ahli syair yang pandai bersyair : tetapi semuanya sentiasa dengan timbangan dan lagi ia cukup menjaga latihan jimat cermat pada anak-anaknya, tidak pernah dibiarkannya mereka terbiasa dengan perangai habur dan boros.

Maka contoh-contoh dari riwayat tarikh orang-orang Barat menyumbang banyak, tidaklah hendak disebutkan di sini. Memadailah dikata bahawa kita selalu mendengar khabar kebanyakan orang-orang barat dan setengah orang-orang Timur juga tidaklah mereka maksudkan mengumpul harta dan kekayaan kerana hendak bersuka-suka berjoli bermain-main, bermegah-megah, atau kerana semata-mata hendak menambah-nambah banyakkannya kekayaan mereka itu sahaja. Tetapi mereka cari kekayaan dan mereka simpan akan dia serta berjimat cermat membelanjakannya ialah dimaksudkan untuk dibuat belanja memberi pelajaran kepada diri mereka dan anak-anak mereka, dan untuk mendirikan sekolah-sekolah, menggalakan pelajaran tinggi, memberi hadiah-hadiah kepada ahli-ahli ilmu dan penyiasat-penyiasat dalam medan pengetahuan, membantu fakir miskin, memberi pelajaran kepada orang-orang buta, memelihara orang-orang yang cacat dan tempang, menolong orang-orang yang ditimpa kemalangan dan kesusahan, mendirikan rumah-rumah perlindungan bagi orang yang kehilangan rumahtangga dan membantu belanja mereka, membangunkan rumah-rumah sakit dan rumah-rumah miskin, dan lain-lain sebagai itu. Maka beberapa kita lihat dan kita dengar orang-orang kaya yang demikian itu mewakafkan harta benda mereka dan mewasiatkan sebahagian besar daripada kekayaan yang mereka kumpul dan jimat-jimatkan itu untuk digunakan bagi kerja-kerja kebajikan umum dan disebut dengan kuat dalam wasiat mereka hendaklah dipakai harta itu bagi tujuan-tujuan yang mulia ini, atau bagi apa-apa jua tujuan menarik kaum bangsa, bahkan kaum manusia seluruhnya kepada kemajuan dan kebahagiaan.

Maka seperti inilah sepatutnya kita sekalian berjimat-cermat pada wang dan harta; dan bagi tujuan-tujuan seumpama yang telah disebutkan inilah sayogianya orang kita berusaha mencari kekayaan dan menyimpannya: dan akhirnya pada kerja-kerja kebajikan umum demikian itulah hendaknya digunakan dan dibelanjakan apabila sudah ada wang dan harta itu: kerana perkara-perkara demikian itulah setengah daripada kerja-kerja yang disebut “*fi sabilillāh*”.